



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SURAT PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Bilangan 1 Tahun 2013

PENAMBAHBAIKAN SYARAT TEMPOH PERKHIDMATAN KENAIKAN PANGKAT KE GRED 52 DI JAWATAN PENSYARAH KANAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

TUJUAN

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai perincian syarat kenaikan pangkat Pensyarah UiTM Gred 45/46 ke Pensyarah UiTM Gred 52 (Pensyarah Kanan) dalam keadaan istimewa di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Semua staf UiTM telah dimaklumkan mengenai penambahbaikan syarat tempoh perkhidmatan kenaikan pangkat ke Gred 52 di jawatan Pensyarah Kanan melalui Pekeliling Akademik Bilangan 10 Tahun 2013 di mana, dalam keadaan istimewa Pensyarah UiTM Gred 45/46 boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred 52 (Pensyarah Kanan) dengan tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) tahun apabila:-

- (a) Memperolehi LNPT minimum **85%** bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut atau minima **60%** bagi staf cuti belajar;
- (b) Markah keseluruhan (jumlah besar) penilaian kenaikan pangkat (templat) mestilah **80%** dan ke atas; dan
- (c) Wajib memenuhi salah satu syarat khusus seperti berikut:-

- (i) Pengajaran dan Pembelajaran
Contoh: *Certificate in Education (CiED)* / Anugerah Akademik di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa dan lain-lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran; atau
- (ii) Penyelidikan
Contoh: Anugerah Penyelidikan peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa; atau
- (iii) Penerbitan
Contoh: Buku / artikel / bab dalam buku; atau
- (iv) Kepakaran
Contoh: Dijemput sebagai penceramah jemputan / panel pakar di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa; atau
- (v) Khidmat Universiti
Contoh: Aktiviti pelajar, keusahawanan, penjanaan kewangan, jaringan industri dan lain-lain sumbangan kepada pembangunan universiti.

Nota:

*Calon yang tidak menyambung (**melanjutkan**) pengajian ke peringkat PhD/DBA/Sarjana Profesional dalam tempoh tujuh (7) tahun berkhidmat dari tarikh pelantikan di gred jawatan semasa 45/46 tidak akan berpeluang untuk kenaikan pangkat ke peringkat Gred 54 (Profesor Madya). Calon hanya akan melalui kenaikan pangkat biasa ke Gred 52 (Pensyarah Kanan) sahaja. (JKE Bil. 08/2010, 31 Mei 2010)*

4. Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan kali ke 146 pada 25 Oktober 2013 telah bersetuju perincian syarat-syarat di atas seperti berikut:-

Pengajaran dan Pembelajaran

Contoh: *Certificate in Education (CiED)* / Anugerah Akademik di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa dan lain-lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran; atau

| Kriteria | Contoh (Fakulti boleh membuat penambahan) |
|------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Sijil kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam tempoh gred jawatan semasa | <i>Certificate in Education (CiED)</i> <i>Professional Enhancement Certificate</i> berkaitan bidang. |
| Anugerah Akademik di peringkat universiti | Anugerah Ahli Akademik Harapan. |
| Anugerah Akademik di peringkat kebangsaan | Pengiktirafan dari badan profesional berkaitan - Contoh Eng. Sr. Ir. Ar. FASc. FCCA, FCMA, CA, fdam, SAP. |
| Anugerah Akademik di peringkat antarabangsa | Anugerah UNESCO, <i>Fullbright Fellowship</i> , <i>Monbusho</i> , <i>Erasmus Mundus</i> . |
| Lain-lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran | Anugerah dari industri, anugerah buku terbaik, <i>best seller</i> . Pengiktirafan dari penerbit yang kukuh – Contoh DBP, <i>McGraw-Hill</i> , <i>Taylor and Francis</i> , Perpustakaan Negara. Sijil penghargaan daripada penerbit. <i>Book reviewer</i> , <i>paper reviewer</i> . |

Penyelidikan

Contoh: Anugerah Penyelidikan peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa; atau

| Kriteria | Contoh (Fakulti boleh membuat penambahan) |
|--------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Anugerah Penyelidikan peringkat universiti | Anugerah Akademik Negara mengikut kategori IID-mesti memenangi anugerah (emas sahaja) |
| Anugerah Penyelidikan peringkat kebangsaan | Anugerah Penyelidikan dari luar UiTM <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah geran RM 80,000 dalam jangka masa 3 tahun sebagai Ketua Penyelidik bagi gugusan Sains dan Teknologi. • Jumlah geran RM 10,000 dan ke atas dalam jangka |

| | |
|----------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | <p>masa 3 tahun sebagai Ketua Penyelidik bagi gugusan Sains Sosial dan Kemanusiaan dan gugusan Pengurusan dan Perniagaan.</p> <p>Anugerah Penyelidik peringkat Kebangsaan (Contoh: MTEX, PEPCIPTA, ITEX, MAKNA).</p> |
| Anugerah Penyelidikan peringkat antarabangsa | IFS, <i>Professional bodies</i> Contoh CPA Australia, Malaysian Toray Foundation, CIMA |

| Penerbitan (dalam bidang kepakaran) | |
|-----------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Contoh: Buku / artikel / bab dalam buku; atau | |
| Kriteria | Contoh |
| Buku (Kuantiti: 1 buku) | Penulis Utama / Penulis Bersama |
| Bab dalam buku (Kuantiti: 2) | <i>Main Author</i> (Penulis Utama) |
| Artikel berindeks (Kuantiti: 2) | 5 citations / for articles impact factor ≥ than 3 (Contoh: Google Scholar / h-index / harzing index) |

| Kepakaran | |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|
| Contoh: Dijemput sebagai penceramah jemputan / panel pakar di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa; atau | |
| Kriteria | Jumlah / kekerapan (dalam bidang kepakaran) |
| Antarabangsa | Badan-badan profesional sekurang-kurangnya sekali |
| Kebangsaan | MPM, MQA,badan-badan profesional, MOSTI atau mana-mana kementerian sekurang-kurangnya 2 kali |
| Universiti | iLQAM, fakulti lain sekurang-kurangnya 3 kali |

| Khidmat Universiti | |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------|
| Contoh: Aktiviti pelajar, keusahawanan, penjanaan kewangan, jaringan industri dan lain-lain sumbangan kepada pembangunan universiti. | |
| Kriteria (salah satu) KPI pensyarah | Contoh (peringkat fakulti / kampus / universiti) |
| Aktiviti pelajar | Aktiviti berimpak* / Memenangi pertandingan / Anugerah* |
| Keusahawanan | Aktiviti berimpak* / Anugerah* |
| Penjanaan kewangan | Aktiviti berimpak* / Anugerah* |
| Jaringan industri | Aktiviti berimpak* / Anugerah* |
| Lain-lain sumbangan kepada pembangunan universiti | Aktiviti berimpak* / MOA, MOU |

* Aktiviti berimpak berfokuskan hasil (outcome) dan memberi sumbangan kepada fakulti, kampus dan universiti; dan

* Anugerah sama ada di peringkat fakulti / kampus / universiti.

TUJUAN PELAKSANAAN

5. Surat pekeliling ini digubal bagi memberikan penjelasan kepada Bahagian Pentadbiran dan staf akademik di setiap Fakulti/Kampus Negeri mengenai prosedur untuk proses kenaikan pangkat Pensyarah.

6. Surat pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Akademik Bilangan 10 Tahun 2013.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Surat pekeliling dikeluarkan pada 12 Disember 2013.

TARIKH KUATKUASA

8. Surat pekeliling ini berkuat kuasa pada 25 Oktober 2013.



~~PROFESSOR~~ DR. AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*